



# Hidup senang culas bayar sewa

Segelintir penghuni PPR ambil sikap tidak peduli, tunggakan cecah ribuan ringgit

**K**ETIKA terdapat kira-kira 25,000 pemohon dalam senarai menunggu untuk mendapatkan unit di Projek Perumahan Rakyat (PPR), ada segelintir penghuni sedia ada hidup dengan cara mewah namun liat hendak bayar sewa bulanan.

Terdapat sebahagian daripada mereka yang berada dalam kategori senang mempunyai tunggakan mencecah berbelas ribu ringgit.

Sedangkan bayaran sewa PPR hanya RM124 sebulan.

Baru-baru ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turun padang ke PPR Intan Baiduri, Kepong yang mempunyai kadar tunggakan tertinggi iaitu lebih RM1 juta untuk bertemu dengan penyewa yang culas membayar sewa rumah.

**BERITA PENUH DI MUKA 2**

Segelintir penghuni PPR miliki kemewahan, ada tunggakan berbelas ribu ringgit

# 'Kaya' tapi liat bayar sewa

Oleh AZLAN ZAMBRY  
azlanwilayahku@gmail.com

**K**UALA LUMPUR – Siapa sangka segelintir penyewa kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) sebenarnya hidup dengan cara mewah namun liat hendak bayar sewa sehinggakan ada yang mempunyai tunggakan mencecah berbelas ribu ringgit.

Mereka bukannya hidup susah. Ini terbukti apabila pemeriksaan dilakukan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), mereka dengan selamba boleh pula melunaskan tunggakan sewa secara tunai hingga mencecah ribuan ringgit untuk mengelakkan daripada dikenakan tindakan usir.

Ada dalam kalangan penyewa dilihat mampu memiliki peralatan dan perkhidmatan seperti langganan Internet, perabot rumah berjenama, langganan penapis air berjenama dan televisyen LCD 40 inci.

Terdapat juga unit PPR diubah suai tanpa kebenaran DBKL dengan memasang jubin dan kemas lantai kayu dipercayai memakan kos yang tinggi tetapi penyewanya liat mem-

bayar sewa sebanyak RM124 sebulan.

Sedangkan, laporan tahun lalu menyebut seramai 25,000 pemohon yang layak menduduki senarai menunggu untuk mendapatkan PPR ekoran tiada kekosongan.

Dalam satu tindakan penguatkuasaan diketuai Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi DBKL, Datuk Ibrahim Yusoff di PPR Intan Baiduri, Kepong baru-baru ini, tiga penyewa diberi notis pengusiran 14 hari selepas mereka gagal menunaikan tunggakan sewa mereka yang mencecah belasan ribu ringgit.

Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Anwar Mohd. Zain berkata, penyewa terbabit diberikan peringatan awal Februari lepas agar membayar tunggakan dalam tempoh tujuh hari tetapi mereka gagal berbuat demikian.

"Salah satu unit mempunyai tunggakan mencecah RM17,000 dan tidak membayar sewa lebih 10 tahun," katanya dalam sidang akhbar baru-baru ini.

Anwar berkata, proses banci yang dilakukan awal bulan ini



**ANWAR** menunjukkan peralatan rumah dimiliki salah seorang penyewa PPR Intan Baiduri yang liat bayar sewa.

berjaya mengenal pasti penyewa seramai 65 daripada 1,410 penyewa di PPR Intan Baiduri mempunyai tunggakan sewa melebihi RM3,000.

"Penyewa-penyewa ini dikategorikan dalam golongan berpendapatan rendah, menengah dan atas. Seramai 10 penyewa dalam kategori kaya diberi notis tuntutan untuk membayar tunggakan sewa dalam tempoh seminggu," ka-

tanya.

Tambah beliau, tujuh penyewa telah membayar setakat ini termasuk melunaskan tunggakan mencecah ribuan ringgit secara tunai.

"PPR Intan Baiduri menjadi lokasi pertama diperiksa kerana ia mempunyai tunggakan terkumpul tertinggi berjumlah RMI juta," katanya sambil menambah sasaran seterusnya ialah PPR Bukit Jalil.

**Info PPR/PPA**

**24,000 unit PPR/PA**

- Tunggakan keseluruhan - RM50 juta
- Tunggakan semasa hingga Disember 2019 - RM22.86 juta
- Senarai menunggu PPR/PA - 25,000 pemohonan
- Syarat pemohonan isi rumah bulanan bawah RM3,000
- Faktor pertimbangan saiz keluarga, bilangan tanggungan, ahli keluarga kurang upaya
- Permohonan semula perlu dihantar lepas tiga tahun untuk semakan

Anwar berkata, pihaknya sebelum ini tidak mengambil tindakan mengusir kerana mempertimbangan masalah kewangan dihadapi penyewa dalam kategori berpendapatan rendah dan sederhana.

"Kami juga akan berhubung dengan agensi berkaitan untuk membantu mereka membayar sewa," katanya.